

## **PROGRAM INSENTIF PERJALANAN PLUS – Senarai Soal Jawab**

**S1** : Apakah itu Program Insentif Perjalanan PLUS ?

**J1** : Program Insentif Perjalanan PLUS merupakan satu inisiatif oleh pihak PLUS untuk membantu melancarkan perjalanan di lebuh raya dengan memberi insentif kepada pelanggan yang menggunakan lebuh raya di luar waktu puncak disamping menggalakkan sistem pembayaran tol secara elektronik di kalangan pelanggan-pelanggan Lebuh raya PLUS dan Lebuh raya ELITE.

**S2** : Bagaimanakah program ini dilaksanakan ?

**J2** : Program ini terbahagi kepada 3 iaitu :

### **Insentif 1**

PLUS akan menawarkan diskaun kadar tol sebanyak 10% kepada semua pemandu kenderaan Kelas 1 yang menggunakan Lebuh raya PLUS dan Lebuh raya ELITE di antara jam 12.00 tengah malam sehingga 7.00 pagi.

### **Insentif 2**

Insentif ini melibatkan penawaran diskaun kadar tol tambahan sebanyak 10% kepada semua pemandu kenderaan Kelas 1 yang menggunakan Lebuh raya PLUS dan Lebuh raya ELITE di antara jam 12.00 tengah malam sehingga 7.00 pagi pada cuti-cuti perayaan utama di negara ini iaitu Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Hari Krismas.

Diskaun tol terkumpul ini akan diberikan dalam mana-mana 6 hari di antara 7 hari sebelum dan 7 hari selepas satu-satu musim perayaan.

### **Insentif 3**

Dalam usaha menggalakkan pembayaran tol secara elektronik, PLUS akan memperkenalkan Program Loyalti PLUS di mana pelanggan yang menyertai program ini berpeluang menikmati rebat tol sebanyak 5% daripada nilai terkumpul bulanan minima sebanyak RM200 di Lebuh raya PLUS dan Lebuh raya ELITE.

- S3** : Lebuhraya manakah yang terlibat dengan Program Insentif Perjalanan PLUS ini ?
- J3** : Lebuhraya yang terlibat dengan program ini ialah Lebuhraya PLUS iaitu Lebuhraya Utara - Selatan, Lebuhraya Baru Lembah Kelang (NKVE), Lebuhraya Persekutuan 2 (FHR2), Lebuhraya Seremban – Port Dickson (SPDH) dan Lebuhraya ELITE sahaja.
- S4** : Apakah plaza-plaza tol yang terlibat yang terletak di lebuhraya-lebuhraya tersebut ?
- J4** : Semua plaza tol ELITE dan semua plaza tol PLUS kecuali Bukit Kayu Hitam dan Bangunan Sultan Iskandar, Tambak Johor.
- S5** : Bilakah program ini bermula ?
- J5** : Program ini akan bermula pada 1 Januari 2009, jam 12.01 tengah malam sehingga 31 Disember 2010, jam 7.00 pagi, tetapi PLUS berhak menyemak semula program ini atas sebab-sebab tertentu.
- S6** : Mengapakah penurunan kadar tol di Plaza Tol Sungai Besi (termasuk juga bagi perjalanan dari Plaza Tol Sungai Besi) tidak mencapai kadar yang telah diumumkan ?
- J6** : Semua kenderaan yang melalui Plaza Tol Sungai Besi adalah tertakluk kepada bayaran tol untuk Lebuhraya METRAMAC sebanyak RM0.80. Program Insentif Perjalanan PLUS ini tidak terpakai di METRAMAC.
- S7** : Mengapakah diskaun kadar tol hanya diberikan kepada pengguna kenderaan Kelas 1 sahaja ?
- J7** : “Program INSENTIF PERJALANAN PLUS merupakan sebahagian daripada program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) PLUS untuk memberi pilihan lebih nilai kepada pelanggan Kelas 1 memandangkan mereka merupakan kumpulan pengguna yang terbesar di Lebuhraya PLUS dan Lebuhraya ELITE.

S8 : Berapakah kadar tol baru dan semasa serta peratus penurunan mengikut kelas kenderaan?

J8 : Kadar tol adalah seperti jadual di bawah :

<b>LEBUHRAYA UTARA – SELATAN (PLUS) – TERTUTUP</b>				
MASA	KADAR SEMASA (SEN/KM)	KADAR BARU (SEN/KM)	JUMLAH PENURUNAN (SEN/KM)	PERATUS PENURUNAN
Hari Biasa (12.00-7.00 pagi)	13.60	12.24	1.36	10%
Musim Perayaan (12.00-7.00 pagi)	13.60	11.02	2.58	19%
<b>LEBUHRAYA UTARA SELATAN HUBUNGAN TENGAH (ELITE) - TERTUTUP</b>				
MASA	KADAR SEMASA (SEN/KM)	KADAR BARU (SEN/KM)	JUMLAH PENURUNAN (SEN/KM)	PERATUS PENURUNAN
Hari Biasa (12.00-7.00 pagi)	14.96	13.46	1.50	10%
Musim Perayaan (12.00-7.00 pagi)	14.96	12.12	2.84	19%

<b>LEBUHRAYA UTARA – SELATAN (PLUS) – TERBUKA PLAZA TOL : JITRA</b>				
MASA	KADAR SEMASA (SEN/KM)	KADAR BARU (SEN/KM)	JUMLAH PENURUNAN (SEN/KM)	PERATUS PENURUNAN
Hari Biasa (12.00-7.00 pagi)	1.60	1.40	0.20	13%
Musim Perayaan (12.00-7.00 pagi)	1.60	1.30	0.30	19%
<b>LEBUHRAYA UTARA – SELATAN (PLUS) – TERBUKA PLAZA TOL : BATU TIGA</b>				
MASA	KADAR SEMASA (SEN/KM)	KADAR BARU (SEN/KM)	JUMLAH PENURUNAN (SEN/KM)	PERATUS PENURUNAN
Hari Biasa (12.00-7.00 pagi)	1.10	1.00	0.10	9%
Musim Perayaan (12.00-7.00 pagi)	1.10	0.90	0.20	18%
<b>LEBUHRAYA UTARA – SELATAN (PLUS) – TERBUKA PLAZA TOL : SG. RASAU</b>				

MASA	KADAR SEMASA (SEN/KM)	KADAR BARU (SEN/KM)	JUMLAH PENURUNAN (SEN/KM)	PERATUS PENURUNAN
Hari Biasa (12.00-7.00 pagi)	1.00	0.90	0.10	10%
Musim Perayaan (12.00-7.00 pagi)	1.00	0.80	0.20	20%
<b>LEBUHRAYA UTARA – SELATAN (PLUS) – TERBUKA PLAZA TOL : KEMPAS</b>				
MASA	KADAR SEMASA (SEN/KM)	KADAR BARU (SEN/KM)	JUMLAH PENURUNAN (SEN/KM)	PERATUS PENURUNAN
Hari Biasa (12.00-7.00 pagi)	2.10	1.90	0.20	10%
Musim Perayaan (12.00-7.00 pagi)	2.10	1.70	0.40	19%

<b>LEBUHRAYA SEREMBAN - PORT DICKSON (SPDH) PLAZA TOL : MAMBAU</b>				
MASA	KADAR SEMASA (SEN/KM)	KADAR BARU (SEN/KM)	JUMLAH PENURUNAN (SEN/KM)	PERATUS PENURUNAN
Hari Biasa (12.00-7.00 pagi)	3.20	2.90	0.30	9%
Musim Perayaan (12.00-7.00 pagi)	3.20	2.60	0.60	19%
<b>LEBUHRAYA SEREMBAN - PORT DICKSON (SPDH) PLAZA TOL : LUKUT</b>				
MASA	KADAR SEMASA (SEN/KM)	KADAR BARU (SEN/KM)	JUMLAH PENURUNAN (SEN/KM)	PERATUS PENURUNAN
Hari Biasa (12.00-7.00 pagi)	0.80	0.70	0.10	13%
Musim Perayaan (12.00-7.00 pagi)	0.80	0.60	0.20	25%

**S9** : Apakah pelanggan perlu memasuki lebuhraya pada masa yang dinyatakan iaitu 12.00 tengah malam sehingga 7.00 pagi, untuk mendapatkan diskaun tersebut ?

**J9** : Tidak. Diskaun akan diberi pada masa bayaran dibuat oleh pelanggan. Ini bermakna jika pelanggan sampai di plaza tol dan membuat bayaran di antara pukul 12.00 tengah malam dan 7.00 pagi, maka pelanggan berkenaan layak mendapat diskaun kadar tol tersebut.

Masa adalah ditentukan mengikut waktu rasmi sistem tol di lorong.

- S10** : Mengapakah diskaun tol ini diberi bagi perjalanan di antara jam 12.00 tengah malam hingga 7 pagi sahaja ?
- J10** : Tujuannya adalah supaya PLUS dapat :
- Mengagihkan aliran trafik ke waktu-waktu di luar waktu puncak, sekaligus membolehkan pelanggan menikmati perjalanan yang lebih selesa dan lancar.
  - Memberi pilihan dan nilai tambahan para pelanggan lebuhraya dengan bayaran tol yang lebih rendah pada waktu luar puncak.
- S11** : Mengapa Plaza Tol Bukit Kayu Hitam dan Bangunan Sultan Iskandar dikecualikan dari program ini ?
- J11** : Ini adalah kerana kedua-dua plaza tol tersebut adalah plaza tol pintu masuk bagi kenderaan asing.
- S12** : Mengapa diskaun yang diberikan hanya 10% sahaja dan tidak lebih dari itu ?
- J12** : Diskaun 10% itu adalah untuk Pakej 1 (Perjalanan di antara 12 tengah malam dan 7.00 pagi setiap hari dari 1 Januari 2009 sehingga 31 Disember 2010). Semasa musim perayaan, diskaun hampir 20% akan diberikan kepada pengguna lebuhraya.
- PLUS merasakan bahawa penurunan kadar tol ini adalah bersesuaian setelah mengambilkira kepentingan pengguna lebuhraya dan pemegang saham. Buat masa ini, PLUS adalah yang pertama dan satu-satunya pemegang konsesi yang menawarkan pakej insentif yang seumpamanya.
- S13** : Dengan program insentif ini, PLUS dilihat menggalakkan lebih ramai pengguna Kelas 1 melakukan perjalanan di waktu malam dimana kerap berlaku kemalangan di waktu begini. Mengapa ?
- J13** : Perjalanan yang selamat boleh dilakukan bila-bila masa sahaja jika dirancang dengan baik. Pengguna disarankan agar mengikut peraturan dan undang-undang yang sedia ada, patuhi had laju yang ditetapkan dan tahu kemampuan diri sendiri semasa memandu. Program Insentif Perjalanan PLUS ini tidak akan mengetepikan aspek keselamatan pengguna-pengguna lebuhraya PLUS.
- S14** : Apa yang PLUS lakukan untuk memastikan perjalanan yang selamat di waktu malam ?
- J14** : Lebuhraya PLUS telah direkabentuk untuk perjalanan malam dan telah

mematuhi sepenuhnya piawaian keselamatan antarabangsa. Kami tiada kompromi dari segi keselamatan pengguna.

**S15** : Bagaimana pula dengan kadar tol penalti ? Ada diskaun ?

**J15** : Bayaran bagi kadar tol penalti juga diberi diskaun seperti kadar tol biasa.

**S16** : Mengapakah bagi sesetengah perjalanan, tiada diskaun diberikan atau diskaun tidak mencapai kadar 10% ?  
Contohnya perjalanan dari Hutan Kampong – Alor Setar (U) masih RM0.40 walaupun selepas diskaun.

**J16** : Ini adalah kerana setelah di tolak diskaun 10% dari kadar tol Hutan Kampong – Alor Setar (U), nilai tol tersebut akan dibundarkan dan ini menyebabkan tiada perubahan pada nilai tol tersebut.

Contoh kiraan :

Kadar Tol Kelas 1 selepas diskaun - 12.24 sen

Jarak perjalanan dari Hutan Kampong – Alor Setar (U) – 3.2 km


Oleh itu harga tol Hutan Kampong – Alor Setar (U) = 39.168 sen  $\approx$  40 sen

Sila rujuk jadual di bawah bagi perjalanan yang tiada perubahan selepas diskaun.

**PERJALANAN DENGAN NILAI TOL YANG SAMA SELEPAS DISKAUN 10%**

NO	STRETCH	DISTANCE		CURRENT	OFF-PEAK DISCOUNT	
		Plus'	Elite's		Daily	Festive
1	HKG-ASU	3.2	-	0.40	0.40	0.40
2	STA-BKR	5.5	-	0.70	0.70	0.60
3	EBR-SEA	3.5	-	0.50	0.50	0.40
4	UPM-KJG	3.1	-	0.40	0.40	0.30
5	SBN-PD	3.7	-	0.50	0.50	0.40
6	RAW-RWS	6.0	-	0.80	0.70	0.70
7	HSB-SGB	5.0	-	0.70	0.60	0.60
8	SBG-SHA	6.0	1.5	1.00	0.90	0.90
9	SBI-UPM	6.1	-	1.60	1.50	1.50
10	SWG-PD	4.2	-	0.60	0.50	0.50
11	SNU-SKD	6.0	-	0.80	0.70	0.70

	Current vs Daily Off-Peak vs Festive
	Current vs Daily Off-Peak

 Daily vs Festive Off-Peak